Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Keempat 2005

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan yang mapan didorong oleh permintaan dalam dan luar negeri

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar tahunan yang kukuh sebanyak 5.2% pada suku keempat 2005. Sektor perkilangan dan perkhidmatan menjadi pemacu pertumbuhan yang utama. Eksport yang meningkat dengan lebih nyata memberikan sokongan tambahan kepada aktiviti sektor swasta dalam negeri. Sentimen pengguna yang lebih tinggi dan keyakinan peniaga yang kekal teguh mendorong pertumbuhan yang mantap. Bagi keseluruhan tahun 2005, permintaan dalam negeri dan eksport yang kukuh telah menghasilkan pertumbuhan keseluruhan dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar sebanyak 5.3%.

Pertumbuhan KDNK benar kekal mapan pada S4 2005



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus meningkat 7.3% disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang tinggi. Penggunaan swasta kekal mantap, dengan pertumbuhan sebanyak 9% pada suku keempat. Keadaan pasaran pekerja yang lebih baik, pembayaran bonus akhir tahun, harga komoditi yang kekal tinggi dan perolehan eksport yang kukuh meningkatkan optimisme pengguna dan menggalakkan perbelanjaan. Hampir kesemua penunjuk penggunaan utama, termasuk pengeluaran pinjaman kredit penggunaan dan import barangan penggunaan menunjukkan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Penggunaan awam juga meningkat disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pertahanan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat 0.4%. Pelaburan sektor swasta kekal kukuh disebabkan peningkatan kapasiti, penaikan taraf, serta pelaburan baru dalam ekonomi, kuhususnya dalam sektor perkilangan dan sektor minyak dan gas huluan. Perbelanjaan pembangunan awam adalah lebih tinggi pada suku keempat dan seterusnya menyebabkan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 3.8% daripada KDNK pada tahun 2005.

Dari segi prestasi sektor, nilai ditambah dalam sektor perkilangan kukuh pada suku keempat, dengan peningkatan sebanyak 7.3%. Peningkatan ini adalah nyata lebih tinggi daripada pertumbuhan 3.5% yang dicatat pada suku tahun yang lepas. Hasilnya, ia menyumbang 2.3 mata peratusan kepada pertumbuhan keseluruhan. Prestasi mantap ini didorong oleh peningkatan permintaan yang menggalakkan dalam industri produk elektronik, dan turut diperkukuh oleh pengembangan industri keluaran kimia, tekstil dan pakaian, kelengkapan pengangkutan dan produk petroleum yang lebih kukuh. Keluaran produk elektronik dan elektrik (E&E) meningkat dengan nyata untuk mencatat pertumbuhan dua angka, didorong oleh permintaan dari luar negeri yang kukuh terhadap komputer, produk berkaitan komputer dan separa konduktor.

Perbelanjaan pengguna yang kukuh dan aktiviti perdagangan dan perniagaan yang menggalakkan termasuk sektor perkhidmatan kewangan menyumbang kepada pertumbuhan sebanyak 6% dalam sektor perkhidmatan. Sementara itu, sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan mengalami penurunan pada suku keempat. Walau bagaimanapun, penurunan dalam sektor pembinaan adalah lebih kecil, manakala dalam sektor pertanian dan perlombongan, pengeluaran komoditi utama yang lebih rendah sebahagiannya disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal pada paras 3.4% pada suku keempat 2005[1]. Hampir kesemua kategori IHP mencatat peningkatan. Walau bagaimanapun, terdapat kenaikan sederhana bagi harga minuman dan tembakau serta pengangkutan dan perhubungan, berikutan berakhirnya kesan pelarasan harga pada tahun 2004. Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik dengan pertambahan dalam bilangan kekosongan jawatan menjadi lebih nyata. Kekukuhan pasaran pekerja juga disokong oleh pertumbuhan produktiviti pekerja yang kukuh.

Bagi sektor luar negeri, imbangan perdagangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM28.6 bilion (S3 2005: RM23.3 bilion). Eksport kasar meningkat dengan ketara sebanyak 12.6% pada suku keempat 2005, diterajui terutamanya oleh pertumbuhan dua angka dalam eksport barangan perkilangan (13.1%) dan pertumbuhan jumlah dan harga eksport komoditi. Pertumbuhan eksport perkilangan diterajui terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport E&E, sejajar dengan peningkatan kitaran separa konduktor global. Pertumbuhan eksport E&E meningkat lebih sekali ganda kepada 14.7% (S3 2005: 6.8%) disebabkan oleh penghantaran yang lebih tinggi keluaran separa konduktor, komputer dan komponennya dan jentera elektrik perindustrian. Eksport keluaran kimia dan getah juga lebih tinggi disebabkan oleh permintaan luar negeri yang kukuh. Walaupun perolehan daripada minyak sawit merosot, perolehan keseluruhan daripada eksport pertanian mencatat pertumbuhan positif berikutan perolehan daripada kayu balak, kayu siap digergaji dan terutamanya getah adalah jauh lebih tinggi. Eksport getah menjadi kukuh dengan ketara, disokong oleh kenaikan harga yang mantap (28.7%). Di samping itu,

[1] Ini berasaskan tempoh rujukan asas yang lepas untuk IHP (2000 = 100).

perolehan daripada eksport mineral kekal tinggi, mencerminkan harga minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) yang nyata lebih tinggi.

Import kasar meningkat 7.5%. Import barangan pengantara yang digunakan sebagai input untuk barangan perkilangan berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7.7% sejajar dengan peningkatan permintaan global terhadap eksport E&E. Import keseluruhan barangan modal mencatat kemerosotan sebanyak 5.9%. Walau bagaimanapun, import barangan modal yang tidak termasuk kelengkapan pengangkutan meningkat 6%, menandakan bahawa peningkatan kapasiti dan aktiviti penaikan taraf dalam ekonomi masih berterusan. Import barangan penggunaan meningkat 4.4%, mencerminkan aktiviti penggunaan swasta yang mapan.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) bersih mencatat aliran masuk yang lebih tinggi sebanyak RM2.3 bilion. Aliran masuk FDI ini adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Memandangkan data FDI ialah data pada asas tunai, ia tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Pelaburan porfolio juga mencatat aliran keluar yang lebih tinggi. Sementara itu, pelaburan luar negeri mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1.9 bilion disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri.

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM266.4 bilion (USD70.5 bilion) pada 31 Disember 2005. Pada 15 Februari 2006, rizab berjumlah RM270.4 bilion (USD71.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Pada suku keempat, penunjuk ekonomi menunjukkan pertumbuhan ekonomi adalah kukuh dan aktiviti ekonomi dijangka bertambah pesat menjelang tahun 2006. Pada masa yang sama, kadar inflasi dijangka kekal pada paras yang hampir sama dengan kadar semasa untuk beberapa waktu. Oleh itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 3% pada 30 November 2005. Walau bagaimanapun, OPR tetap berada di bawah paras neutralnya dan dengan itu, dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Berikutan kenaikan OPR, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.97% - 3.01%, dengan purata 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh yang lain juga meningkat pada bulan Disember.

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal mantap, dengan pengembangan pada kadar tahunan 7.8% pada suku keempat 2005. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti

hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3%.

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal kukuh pada suku keempat 2005, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir suku itu. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat 3% pada asas tahunan didorong oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang meningkat pada kadar tahunan 8.7%. Pengeluaran pinjaman kepada syarikat besar dan PKS juga lebih tinggi pada asas tahunan, tetapi permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan menurun sedikit berbanding dengan tahap tinggi yang dicatat pada suku ketiga 2005. Pemberian pinjaman bank kepada sektor isi rumah kekal kukuh, dengan pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat 15.1% pada asas tahunan pada akhir suku keempat.

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal oleh sektor awam dan swasta meningkat kepada RM12.6 bilion pada suku keempat 2005, disebabkan kenaikan yang ketara dalam jumlah dana yang diperoleh melalui pasaran PDS. Sebahagian besar (52.6% daripada jumlah, tidak termasuk Cagamas) daripada dana yang diperoleh melalui pasaran PDS pada suku keempat adalah untuk membiayai aktiviti ekonomi yang baru. Lebih daripada separuh atau 51.6% daripada PDS ialah instrumen berasaskan prinsip Islam.

Wang secara kecil atau M1, berkembang pada kadar tahunan 8.5% (S3 2005: 9.9%), manakala wang secara luas atau M3, meningkat pada kadar tahunan 8% pada akhir suku keempat (S3 2005: 10.9%).

Ringgit menambah nilai berbanding dengan yen, paun sterling dan euro, tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat 2005. Dolar AS kukuh dalam keadaan jangkaan umum bahawa kadar Fed Funds akan dinaikkan lagi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam julat 0.1 – 5.6%. Manakala ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau pada awal tahun 2006, trend ini berubah arah pada awal bulan Februari. Pada bulan Februari, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.5 – 2.0%.

Sistem perbankan kekal teguh

Kedudukan sistem perbankan kekal teguh pada suku keempat 2005. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) ialah 13.1% pada akhir tahun 2005. Keuntungan sebelum cukai pada suku itu berjumlah RM3.5 bilion. Prestasi yang lebih kukuh ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan bersih dan jumlah kutipan yang lebih tinggi.

Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik dengan penurunan dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) berikutan pengelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar, penghapuskiraan NPL dan pengurangan dalam jumlah NPL baru. Dengan penurunan tersebut, nisbah NPL bersih terus bertambah baik kepada 4.6% berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 5.8% berdasarkan klasifikasi 3 bulan.

Trend asas menyokong pertumbuhan yang lebih kukuh dalam jangka masa terdekat

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh pada tahun 2006. Yang penting ialah prospek pertumbuhan ekonomi global kekal kukuh dan akan didorong oleh peningkatan dalam pelaburan dan kitaran elektronik global. Sokongan tambahan kepada pertumbuhan dijangka datang dari Jepun dan kawasan euro memandangkan pengembangan permintaan dalam negeri dalam ekonomi negara-negara tersebut bertambah pesat. Permintaan serantau juga dijangka kekal memberangsangkan berikutan pemulihan dalam kitaran elektronik global, khususnya separa konduktor, dan pengembangan ekonomi yang mapan di Republik Rakyat China, India dan Korea Selatan. Harga komoditi juga menunjukan tanda-tanda kekal kukuh. Trend ini akan terus memberikan kesan positif terhadap eksport dan pengggunaan swasta. Dengan kadar pengunaan kapasiti yang tinggi dalam industri E&E yang berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri dalam sektor perkilangan, aktitviti pelaburan swasta dijangka dapat dikekalkan. Oleh itu, aktiviti sektor swasta akan terus menjadi teras pertumbuhan. Indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia terkini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang pada tahun 2006.

PERKEMBANGAN SUKU KEEMPAT 2005

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan negara perindustrian bercampur-campur pada suku keempat, manakala pertumbuhan negara serantau bertambah kukuh

Pertumbuhan ekonomi global bercampur-campur pada suku keempat. Kadar pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) menjadi sederhana disebabkan oleh faktor-faktor khas, manakala pemulihan ekonomi di Jepun dan kawasan euro berterusan. Di rantau Asia, pertumbuhan di Republik Rakyat China (RR China) kekal kukuh, sementara pertumbuhan di beberapa negara serantau yang lain bertambah kukuh.

Pada suku keempat, ekonomi **AS** berkembang pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 1.1% (S3 2005: 4.1%). Pembelian kenderaan bermotor berkurang dengan ketara berikutan berakhirnya tempoh diskaun khas yang ditawarkan semasa suku ketiga. Pelaburan perniagaan turut terjejas akibat gangguan dalam penghantaran pesawat udara ekoran mogok. Selain itu, pengurangan dalam perbelanjaan pertahanan negara menyebabkan perbelanjaan kerajaan menjadi negatif. Eksport bersih turut mengurangkan kadar pertumbuhan dengan defisit eksport mencapai rekod baru disebabkan terutamanya oleh kenaikan import minyak akibat Taufan Katrina. Sementara itu pertumbuhan ekonomi **Jepun** bertambah kukuh dan berkembang sebanyak 5.5% (S3 2005: 1.4%), iaitu kadar pertumbuhan paling pesat dalam tempoh lima tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih tinggi disebabkan oleh penggunaan swasta dan pelaburan yang menjadi kukuh berikutan pendapatan dan keuntungan syarikat yang semakin meningkat. Eksport yang lebih tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh. Sementara itu, indeks harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) meningkat berturut-turut pada bulan November dan Disember, manakala pengeluaran perindustrian terus berkembang. Di **kawasan euro**, pertumbuhan kukuh sedikit pada suku keempat, iaitu pada 1.7% (S3 2005: 1.6%). Pertumbuhan terus disokong oleh permintaan luar negeri manakala perbelanjaan pengguna masih lembap. Di **United Kingdom (UK)**, anggaran awal menunjukkan prestasi pertumbuhan adalah pada kadar 1.7% pada suku keempat (S3 2005: 1.7%).

Negara-negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun[p]	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	3.3	4.2	4.1	1.1[a]	3.5	Pertumbuhan yang perlahan disebabkan faktor-faktor khas yang menjejaskan perbelanjaan pengguna, pelaburan swasta dan perbelanjaan kerajaan.
UK	2.7	3.2	1.7	1.7	1.8	Pertumbuhan pesat dalam sektor perkhidmatan.
Kawasan euro	1.6	2.1	1.6	1.7	1.3	Pertumbuhan terus disokong oleh permintaan luaran memandangkan perbelanjaan pengguna masih lagi lembap.
Jepun[1]	-1.3	2.3	1.4	5.5	2.8	Pengembangan kukuh yang menyeluruh, disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport.

[1] berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] anggaran awal
[p] anggaran
Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari global terus cenderung kepada pengetatan. **Federal Reserve Board (Fed) AS** terus menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas setiap kali pada bulan November, Disember dan Januari, lalu menjadikan kadar dana Fed kepada 4.50%. Dalam pernyataan dasar monetarinya pada bulan Disember, Fed tidak lagi menyebut istilah "akomodatif" yang sering digunakan, lantas menandakan bahawa kadar faedah telah meningkat hampir kepada kadar neutral daripada kadar rendah 1% pada pertengahan tahun 2004. Sementara itu, **European Central Bank (ECB)** menaikkan kadar pembiayaan semula utama sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% pada 1 Disember, iaitu peningkatan kali pertama dalam masa lima tahun.

Harga minyak mentah global menurun sedikit daripada paras tertingginya yang dicatat pada akhir bulan Ogos dan berada sekitar USD60 setong pada suku keempat. Keadaan cuaca yang sederhana di Hemisfera Utara, pemulihan pengeluaran minyak AS di Teluk Mexico dan stok minyak AS yang mencukupi, kesemuanya telah mengurangkan kebimbangan terhadap kekurangan bekalan minyak. Namun begitu, harga minyak terus disokong oleh faktor-faktor asas seperti permintaan yang kukuh, terutamanya dari AS dan RR China, bekalan yang ketat, kekurangan kapasiti penapisan, risiko keadaan cuaca yang buruk serta risiko geopolitik di beberapa buah negara pengeluar minyak.

Pertumbuhan ekonomi di **rantau Asia** terus kukuh dengan pertumbuhan lebih kukuh di RR China dan prestasi negara serantau yang lain yang bertambah baik. Pertumbuhan di Singapura, Filipina dan Korea lebih kukuh pada suku keempat berbanding dengan prestasi pada suku ketiga. Eksport terus kukuh hasil pemulihan permintaan yang berterusan terhadap barangan elektrik dan elektronik. Dari segi sektor, sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu pertumbuhan.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S4
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun[a]	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.5	10.1	9.8	9.9	9.9	Disokong oleh eksport dan pelaburan yang kukuh.
Singapura	6.9	8.7	7.6	8.7	6.4	Disokong oleh pengukuhan dalam sub-sektor bioperubatan, kejuruteraan pengangkutan dan elektronik.
Hong Kong	7.1	8.6	8.3	7.6	7.3	Diterajui oleh eksport dan pelaburan tetap.
C Taipei	3.3	6.0	4.4	6.4	4.1	Disokong oleh eksport yang kukuh.
Filipina	5.3	5.7	4.5	6.1	5.1	Diterajui terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan.
Korea	3.3	4.6	4.5	5.2[b]	4.0	Disokong oleh pelaburan modal dan perkilangan.
Indonesia	6.7	5.1	5.6	4.9	5.6	Disokong oleh sektor perkhidmatan dan pertanian.
Thailand	5.3	6.1	5.3	n.a.	n.a.	

[a] anggaran

[b] anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Sementara itu, **inflasi** di kebanyakan negara serantau terus meningkat berbanding dengan suku ketiga disebabkan harga minyak yang lebih tinggi dan kesan sampingan (pass-through) daripada penghapusan penuh/ sebahagian subsidi minyak. Untuk mengawal kenaikan inflasi dan mengehadkan kesan pusingan kedua, Indonesia, Korea, Thailand dan India telah menaikkan kadar faedah.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, dolar AS menjadi kukuh berbanding dengan mata wang utama, iaitu euro, sterling dan yen, disokong oleh perbezaan kadar faedah yang

berpihak kepada dolar. Sementara itu, nilai kebanyakan mata wang serantau meningkat berikutan dasar monetari yang lebih ketat serta aliran masuk modal ke pasaran ekuiti. Peso Filipina mencatat kenaikan nilai tertinggi disokong oleh penghantaran balik wang yang mencapai tahap tertinggi yang dianggarkan sebanyak USD10 bilion oleh pekerja Filipina di luar negara serta sentimen pelabur yang bertambah baik berikutan kedudukan fiskal yang bertambah baik. Selepas naik nilai sebanyak 2.1% pada bulan Julai sejak perubahan rejim kadar pertukaran, yuan naik nilai lagi sebanyak 0.5%.Spekulasi bahawa yuan akan naik nilai lagi berkekalan sepanjang tahun.

Perkembangan ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi didorong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Pada suku keempat 2005, ekonomi Malaysia berkembang dengan pertumbuhan sebanyak 5.2% (S3 2005: 5.3%), disokong terutamanya oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Selepas mencatat pertumbuhan perlahan pada separuh tahun pertama akibat kitaran menurun industri separa konduktor global, sektor perkilangan menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang ketara pada suku keempat 2005. Nilai ditambah sektor perkilangan tumbuh dengan lebih nyata sebanyak 7.3% (S3 2005: 3.5%), lantas menyumbang sebanyak 2.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK secara keseluruhan. Prestasi kukuh sektor ini didorong oleh peningkatan yang nyata dalam industri keluaran elektronik dan elektrik, dan turut diperkukuh oleh pengembangan yang lebih ketara dalam industri keluaran kimia, tekstil, kelengkapan pengangkutan dan keluaran petroleum. Pada masa yang sama, pertumbuhan sektor perkhidmatan terus berkembang sebanyak 6%, disokong oleh aktiviti penggunaan yang kukuh, di samping prestasi yang menggalakkan dalam sektor perdagangan dan aktiviti perniagaan, termasuk kewangan. Sementara itu, sektor pertanian dan perlombongan mencatat prestasi yang lebih lemah pada suku tersebut disebabkan oleh pengeluaran komoditi utama yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	5.0	0.9	-1.1	2.1
Perlombongan	4.4	3.9	3.4	-2.0	0.8
Perkilangan	5.5	9.8	3.5	7.3	4.9
Pembinaan	-2.6	-1.5	-1.4	-0.6	-1.6
Perkhidmatan	6.5	6.8	7.3	6.0	6.5
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.8**	**7.1**	**5.3**	**5.2**	**5.3**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**1.9**	**7.1**	**3.5**	**1.8**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor perkilangan lebih kukuh

Pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** menjadi kukuh kepada 7.3% (S3 2005: 3.5%) pada suku keempat 2005, mencerminkan peningkatan pengeluaran industri berorientasikan eksport (8.7%, S3 2005: 4.6%) dan industri berorientasikan pasaran dalam negeri (-1.0%, S3 2005: -1.9%).

Prestasi Sektor Perkilangan

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (harga malar)	**5.5**	**9.8**	**3.5**	**7.3**	**4.9**
Pengeluaran Keseluruhan	**7.5**	**12.7**	**3.1**	**6.6**	**4.5**
Industri berorientasikan eksport	**7.8**	**14.2**	**4.6**	**8.7**	**5.7**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	5.1	17.7	4.0	10.4	3.6
Elektronik	9.6	25.0	6.6	13.8	5.9
Barangan Elektrik	-13.8	-9.4	-9.2	-7.5	-8.3
Bahan kimia dan keluaran kimia	13.3	14.1	8.6	11.6	11.7
Kayu dan keluaran kayu [1]	5.1	12.7	-5.2	0.8	-3.7
Tekstil dan pakaian	-14.5	-11.7	6.4	8.6	1.3
Pemprosesan luar estet	17.9	4.0	7.3	-2.9	10.8
Keluaran getah	9.1	14.8	-3.7	0.3	1.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**6.3**	**7.1**	**-1.9**	**-1.0**	**0.4**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	-4.8	-4.9	-1.5	0.4	-2.2
Keluaran logam yang direka	21.4	29.2	-15.1	-15.8	-7.5
Besi & keluli dan logam bukan ferum	4.7	4.4	-10.1	-13.4	-8.3
Makanan	-0.5	3.0	9.2	8.6	6.5
Kelengkapan pengangkutan	17.8	8.6	12.7	15.4	12.9
Keluaran petroleum	5.4	1.3	5.2	13.5	8.7
Jumlah Eksport Perkilangan	**13.5**	**19.7**	**6.3**	**13.1**	**10.1**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	7.5	15.3	6.8	14.7	10.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	26.9	31.0	1.3	4.7	7.1
Keluaran petroleum	57.1	42.2	19.4	20.1	24.5
Peralatan optikal & saintifik	19.6	26.3	-0.7	12.4	6.5
Keluaran kayu	12.4	29.5	-14.9	6.7	2.1
Barangan perabot	16.2	17.8	3.0	0.8	6.0
Keluaran getah	14.5	19.3	10.0	19.4	12.4

[1]Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengembangan yang lebih kukuh dalam **industri berorientasikan eksport** didorong terutamanya oleh peningkatan dalam industri elektronik dan elektrik (10.4%, S3 2005: 4%), sejajar dengan pemulihan jualan separa konduktor sedunia. Industri elektronik dan elektrik tempatan memperoleh manfaat daripada permintaan yang kukuh terhadap komputer riba, disebabkan oleh sistem tanpa wayar yang semakin popular serta permintaan sedunia yang bertambah baik terhadap cip untuk pelbagai aplikasi termasuk segmen automotif dan telekomunikasi. Pengeluaran industri keluaran kimia kekal kukuh dan berkembang 11.6% (S3 2005: 8.6%), didorong terutamanya oleh permintaan luar negeri yang menggalakkan terhadap keluaran plastik buatan Malaysia. Sementara itu, industri tekstil dan pakaian terus berkembang pada suku terakhir 2005 (8.6%, S3 2005: 6.4%), sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang meningkat dari Amerika Syarikat (AS) memandangkan kuota yang dikenakan oleh pihak berkuasa AS terhadap keluaran tekstil buatan China telah dipenuhi sejak bulan Julai 2005.

Peningkatan dalam pengeluaran **industri berorientasikan pasaran dalam negeri** disebabkan terutamanya oleh prestasi kukuh industri kelengkapan pengangkutan (15.4%, S3 2005: 12.7%) dan keluaran petroleum (13.5%, S3 2005: 5.2%). Pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi bagi industri kelengkapan pengangkutan mencerminkan pengukuhan dalam jualan kenderaan penumpang pada suku keempat, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan, pakej pinjaman yang menarik serta pelancaran kelainan model sedia ada yang baru. Sementara itu, pengeluaran keluaran petroleum yang meningkat disebabkan oleh aktiviti penapisan minyak mentah yang pesat dan pengeluaran minyak pelincir yang tinggi. Industri yang berkaitan dengan sektor pembinaan terus lembap ekoran prestasi sektor pembinaan yang lemah.

Kadar **penggunaan kapasiti** sektor perkilangan secara keseluruhan kekal mapan pada tahap 75% pada suku keempat (S3: 2005: 76%) dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 78% dan 72% (S3 2005: masing-masing 78% dan 73%).

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bahagian 2004	2004		2005		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**6.9**	**7.1**	**5.7**	**5.5**	**5.7**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.3	9.3	8.5	4.2	5.5	6.3
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.3	5.6	6.3	6.5	5.5	5.4
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**6.3**	**6.6**	**8.5**	**6.4**	**7.1**
Elektrik, gas & air	7.2	7.3	8.2	6.4	3.7	5.5
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	24.9	6.9	7.1	10.0	7.1	8.0
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	7.2	6.5	10.2	8.4	8.8
Perkhidmatan lain	13.6	3.7	4.9	5.4	4.6	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100**	**6.5**	**6.8**	**7.3**	**6.0**	**6.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai ditambah **sektor perkhidmatan** terus berkembang sebanyak 6% pada suku keempat (S3 2005: 7.3%), mencerminkan pengembangan dalam kesemua subsektor. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran terus kukuh pada kadar 7.1% (S3 2005: 10.0%). Bayaran bonus dan Jualan Akhir Tahun (1 Disember 2005 hingga 31 Januari 2006), yang merupakan program baru yang dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan, telah merangsang pembelian dan perbelanjaan oleh pengguna dan pelancong. Segmen kereta bermotor dalam industri perniagaan pengedaran juga kukuh, disokong oleh pertumbuhan dua angka dalam jualan pada suku itu (14.1%; S3 2005: 9.7%). Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan turut berkembang (5.5%; S3 2005: 6.5%), disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman bank yang meningkat serta pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pendapatan berasaskan fi. Di samping itu, terdapat pengembangan dalam aktiviti perbankan Islam apabila tiga buah anak syarikat bank Islam dan sebuah bank Islam asing baru mulai beroperasi pada tahun 2005.

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan berkembang sebanyak 5.5% disokong oleh pertumbuhan kukuh industri telekomunikasi dan aktiviti pengangutan yang lebih tinggi. Prestasi kukuh industri telekomunikasi berkembang pesat, mencerminkan peningkatan langganan dan penggunaan perkhidmatan data dan suara dalam segmen selular. Kadar penembusan selular meningkat kepada 74.1% pada akhir tahun 2005 daripada 66.8% pada akhir bulan September 2005, manakala trafik khidmat pesanan ringkas (SMS) meningkat 157.9% pada suku itu. Sementara itu, pertumuhan pesat segmen pengangkutan adalah disebabkan peningkatan jumlah kargo berikutan peningktan aktiviti perdagangan (10.3%; S3 2005: 8.0%). Subsektor perkhidmatan Kerajaan dan utiliti terus mapan dengan sokongan daripada emolumen yang bertambah dan penggunaan elektrik yang mapan pada suku keempat.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di semua lapangan terbang	11.2	18.9	5.6	1.9	4.8
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	16.4	16.4	18.6	18.7	18.7
Pinjaman terkumpul kepada perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel	11.0	11.0	12.6	8.3	8.3
Import barangan penggunaan	16.4	24.1	5.2	4.4	6.0
Jumlah jualan kereta penumpang	27.3	17.0	-2.7	11.6	4.8
Jumlah jualan kereta komersial	39.3	35.1	65.6	23.1	46.8
Kadar penembusan telefon selular (%)	56.5	56.5	66.8	74.1	74.1
Trafik SMS	77.8	54.7	142.1	157.9	120.8
Kargo yang dikendali (semua lapangan terbang)	10.2	10.5	0.6	6.2	4.3
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Kelang dan PTP)	3.6	11.2	5.2	7.8	4.9

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi sektor komoditi lebih lemah ekoran keadaan cuaca yang buruk

Sektor komoditi utama mencatat prestasi yang lebih lemah pada suku keempat 2005, sebahagiannya disebabkan oleh paras pengeluaran yang tinggi pada tempoh yang sama tahun 2004 dan sebahagian lagi oleh faktor berkaitan cuaca. Pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan terjejas disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah komoditi utama seperti minyak sawit, getah, minyak mentah dan gas asli, serta aktiviti lain seperti penanaman padi, perikanan dan penanaman koko.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah merosot 6% kepada 3.7 juta tan (S3 2005: +0.2%). Pengurangan ini disebabkan keseluruhannya oleh hasil tandan buah segar (FFB) yang lebih rendah berbanding dengan hasil FFB yang nyata lebih tinggi pada tempoh yang sama pada tahun 2004. Hasil FFB merosot 8.3% kepada 4.76 tan sehektar (S4 2004: 5.19 tan sehektar). Di

Prestasi Sektor Pertanian

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan %				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**7.3**	**5.0**	**0.9**	**-1.1**	**2.1**
Pengeluaran[1] *antaranya:*					
Minyak sawit mentah	16.5	4.7	0.2	-6.0	7.0
Minyak isirong sawit merah	11.8	-0.1	7.8	-5.4	12.1
Getah	7.2	18.6	3.7	-4.5	-3.8
Kayu balak	2.7	-0.1	-1.8	2.3	-0.8
Biji koko	17.9	-7.8	-19.0	-7.8	-16.3
Eksport (RM juta)	**1.2**	**7.4**	**-0.1**	**2.9**	**3.4**
antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	2.3	-5.6	4.0	-0.2	10.9
(RM/tan)	-6.1	5.5	-13.5	-7.6	-14.5
(RM juta)	-3.9	-0.4	-10.0	-7.8	-5.2
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	-24.7	-8.3	-14.3	14.6	4.0
(RM/tan)	38.9	46.9	-5.8	-5.9	-1.9
(RM juta)	4.5	34.7	-19.2	7.9	2.0
Getah					
('000 tan)	16.6	16.7	4.4	-0.2	2.1
(Sen/kilogram)	2.6	24.3	13.0	28.7	9.0
(RM juta)	19.6	45.1	18.0	28.4	11.3
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	16.3	13.5	9.1	-4.1	15.5
(RM/meter padu)	-10.2	-10.4	5.7	20.0	7.4
(RM juta)	4.4	1.7	15.3	15.1	24.1
Kayu balak					
('000 meter padu)	-17.9	-5.9	-4.4	1.5	10.6
(RM/meter padu)	6.2	8.9	14.7	17.0	7.6
(RM juta)	-12.8	2.5	9.7	18.8	19.1
Biji koko					
('000 tan)	-15.6	-27.7	-77.6	-5.6	-2.1
(RM/tan)	-5.9	-12.6	18.6	3.5	-1.8
(RM juta)	-20.6	-36.8	-73.4	-2.3	-3.9

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

samping itu, keadaan cuaca yang buruk juga menjejaskan aktiviti tuaian pada akhir suku tersebut. Pengeluaran getah juga merosot 4.5% disebabkan oleh hujan yang menghalang aktiviti penorehan oleh pekebun kecil yang mencakupi 95% daripada jumlah pengeluaran getah di Malaysia. Dalam keadaan bekalan yang ketat di negara pengeluar utama, di samping kenaikan harga getah tiruan ekoran kenaikan harga minyak mentah, harga getah Malaysia menjadi kukuh dengan ketara kepada

purata 605 sen sekilogram (S3 2005: 552 sen sekilogram). Keluaran tanaman padi juga lebih rendah pada suku itu disebabkan keadaan cuaca yang buruk yang telah menjejaskan pengeluaran tanaman tersebut. Keadaan ini diimbangi sebahagiannya oleh prestasi subsektor ternakan yang lebih baik, disokong oleh permintaan dalaman dan luaran yang kukuh pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan %				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**4.4**	**3.9**	**3.4**	**-2.0**	**0.8**
Pengeluaran *antaranya:*					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	1.4	3.6	-2.4	-3.0	-4.9
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	10.3	4.0	15.9	-0.5	11.3
Eksport (RM juta) *antaranya:*	**44.7**	**38.2**	**25.8**	**22.7**	**27.8**
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-11.0	1.0	-9.4	9.5	-1.8
(USD/tong)	53.3	34.8	42.5	25.5	36.6
(RM juta)	36.4	36.1	29.0	37.4	34.0
Gas asli cecair					
('000 tan)	19.4	19.7	5.7	-1.8	5.9
(RM/tong)	15.9	6.8	16.8	17.0	14.8
(RM juta)	38.5	27.9	23.4	14.9	21.5

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perlombongan terjejas akibat kemerosotan pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Keluaran minyak mentah (termasuk kondensat) merosot 3% kepada 751,038 tong sehari pada suku keempat sebahagiannya disebabkan oleh asas pengeluaran yang tinggi pada suku keempat 2004 (S4 2004: 774,191 tong sehari). Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah lebih tinggi berbanding dengan paras pengeluaran pada suku sebelumnya, iaitu 745,178 tong sehari. Bagi gas asli pula, pengeluarannya merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.5% kepada 5,838 juta kaki padu standard sehari disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah daripada pembeli luar negeri utama.

Aktiviti pembinaan mengalami kemerosotan yang semakin kecil

Aktiviti pembinaan merosot tetapi pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.6% pada suku keempat 2005 (S3 2005: -1.4%). Walaupun subsektor kejuruteraan awam kekal lembap, subsektor kediaman dan bukan kediaman terus berkembang. Subsektor kediaman disokong oleh minat yang berterusan terhadap harta tanah baru, khususnya di lokasi-lokasi utama. Subsektor bukan kediaman, terutamanya segmen pejabat dan runcit, disokong oleh aktiviti perniagaan yang kukuh. Kadar penghunian dan sewa bagi segmen-segmen ini kekal menggalakkan pada suku itu.

Penunjuk Pembinaan

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-19.4	-5.9	45.4	11.4	15.9
Kelulusan perumahan	-34.9	-14.1	2.8	2.8	-2.7
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-0.4	-0.6	-5.5	-6.3	-5.1
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-14.8	2.3	-4.0	3.4	3.3
Import bahan pembinaan dan bahan galian	15.8	42.1	-23.7	0.7[1]	-7.9[2]

[1] Okt.-Nov. [2] Jan.-Nov.
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri didorong oleh aktiviti sektor swasta

Permintaan dalam negeri terus meningkat pada suku keempat 2005, dengan berkembang sebanyak 7.3% (S3 2005: 9.4%).

Pengembangan aktiviti sektor swasta terus memacu pertumbuhan pada suku itu meskipun tahap harga secara amnya lebih tinggi dan kadar faedah meningkat.

KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga Malar 1987)

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	6.7	7.5	9.4	7.3	7.3
Penggunaan	8.6	9.5	9.3	10.0	8.5
Sektor swasta	10.2	10.5	10.4	9.0	9.2
Sektor awam	4.2	6.0	5.9	12.8	5.9
Pembentukan Modal Tetap Kasar	2.2	3.1	9.6	0.4	4.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	10.2	16.3	5.8	10.4	8.4
Import Barangan dan Perkhidmatan	12.9	20.7	7.8	8.0	7.6
KDNK	**5.8**	**7.1**	**5.3**	**5.2**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta terus memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan 9% pada suku keempat (S3 2005: 10.4%). Hampir kesemua penunjuk penggunaan utama menunjukkan pengembangan yang berterusan dalam penggunaan swasta, termasuk pertambahan nilai transaksi kad kredit, pengeluaran pinjaman kredit penggunaan dan import barangan penggunaan. Perbelanjaan pengguna yang kukuh itu disokong oleh faktor yang meningkatkan prospek pendapatan seperti peningkatan pasaran pekerjaan, pembayaran bonus akhir tahun, harga komoditi yang tinggi dan perolehan eksport yang kukuh. Berdasarkan faktor-faktor ini, ditambah pula dengan promosi yang diadakan sempena hari perayaan dan cuti persekolahan, telah mendorong perbelanjaan sektor isi rumah pada suku itu. Pertumbuhan penggunaan swasta juga adalah sejajar dengan peningkatan keyakinan pengguna. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meningkat 13.6 mata kepada 116.1 mata pada suku keempat (S3 2005: 102.5 mata), yang menunjukkan bahawa pengguna berpandangan lebih optimistik terhadap prospek ekonomi, tahap pendapatan dan prospek pekerjaan. **Penggunaan awam** adalah lebih tinggi (12.8%, S3 2005: 5.9%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan atas emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pertahanan.

Keyakinan pengguna meningkat sementara sentimen perniagaan kekal kukuh



Pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.4% (S3 2005: 9.6%). Perbelanjaan modal sektor swasta kekal kukuh seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan import jentera dan kelengkapan untuk kegunaan sektor perkilangan dan minyak dan gas huluan. Aktiviti pelaburan dalam negeri bagi sektor perkilangan dan minyak dan gas juga disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan pada suku keempat. Penunjuk pelaburan utama yang lain, iaitu pinjaman yang diberikan kepada sektor perniagaan dan penjualan kenderaan komersial, juga

mencerminkan perbelanjaan pelaburan sektor swasta yang mapan. Indeks Keadaan Perniagaan MIER terus melebihi tanda aras 100 mata sejak suku pertama 2005 (100.5 mata, S3 2005: 102.7 mata), yang menandakan keyakinan perniagaan kekal berdaya tahan. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus meningkat, dengan sebahagian besar perbelanjaan disalurkan kepada pembangunan kawasan pertanian dan luar bandar, penyediaan perkhidmatan pendidikan serta penyelenggaraan dan pembinaan jalan raya dan jambatan.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Meningkat



Inflasi kekal tidak berubah pada suku keempat

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), kekal tidak berubah pada 3.4% pada suku keempat[2] (3.4% pada S3 2005). Walaupun terdapat penyederhanaan dalam kenaikan harga minuman dan tembakau serta pengangkutan dan perhubungan, hampir kesemua kategori IHP mencatat peningkatan berikutan berakhirnya kesan pelarasan harga pada tahun 2004.

Pertumbuhan tahunan I**ndeks Harga Pengeluar** (IHPR) menjadi sederhana kepada 7.1% (9% pada S3 2005) disebabkan oleh kenaikan yang lebih perlahan dalam kategori yang berkaitan dengan komoditi dan yang tidak berkaitan dengan komoditi. Penyederhanaan dalam IHPR bagi kategori yang berkaitan dengan komoditi terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah yang lebih perlahan pada suku itu. Walau bagaimanapun, tidak termasuk komoditi, IHPR menjadi lebih sederhana kepada 1.7% (2.4% pada S3 2005), terutamanya disebabkan oleh kenaikan yang lebih perlahan dalam IHPR bagi makanan dan binatang hidup, barangan perkilangan dan barangan yang berkaitan dengan keluaran kimia.

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik dengan bilangan kekosongan jawatan meningkat dan bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan serta pemberhentian pekerja menurun

[2] Pengiraan dibuat berdasarkan asas rujukan tempoh IHP yang sebelumnya (2000 = 100).

Pada suku keempat, keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik dengan bilangan kekosongan jawatan baru jauh melebihi bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan dan pemberhentian pekerja.

Jumlah kekosongan jawatan bagi suku keempat yang dilaporkan kepada pihak berkuasa mencatat peningkatan tertinggi sebanyak 182,838 jawatan, jauh lebih tinggi daripada jumlah tertinggi yang dilaporkan sebelum ini pada suku ketiga (77,578 jawatan). Lebih banyak kekosongan jawatan dicatat dalam semua sektor ekonomi utama, terutamanya sektor perkilangan. Pada masa yang sama, bilangan pencari kerja berdaftar yang belum ditempatkan berkurang pada akhir Disember (72,573 orang) kerana trend menurun bilangan pencari kerja yang belum ditempatkan yang bermula pada bulan September (102,795) berterusan sehingga suku keempat. Di samping itu, jumlah pemberhentian pekerja juga menurun pada suku keempat kepada 3,955 orang (S3 2005: 4,875 orang). Keadaan keseluruhan pasaran pekerja yang positif juga dicerminkan dalam Indeks Guna Tenaga MIER yang meningkat sebanyak 8.9 mata dari suku sebelumnya kepada 113.3 mata pada suku keempat.

Perkembangan produktiviti pekerja juga positif. Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh produk nilai jualan benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat 7%, melepasi pertumbuhan upah benar seorang pekerja sebanyak 0.6%.

Pasaran Pekerja Terus Bertambah Baik



Eksport dan import terus berkembang

Akaun perdagangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM28.6 bilion (S3 2005: RM23.3 bilion) dengan pertumbuhan eksport sebanyak 12.6% (S3 2005: 7.5%) mengatasi pertumbuhan import sebanyak 7.5% (S3 2005: 8.6%). Pertumbuhan eksport yang lebih kukuh disokong oleh pengukuhan eksport perkilangan dan pertanian.

Eksport Kasar

Imbangan Perdagangan



Sejajar dengan peningkatan kitaran separa konduktor global, pertumbuhan

eksport kasar melonjak kepada 12.6% pada suku keempat 2005 (S3 2005: 7.5%), disokong oleh peningkatan yang nyata dalam eksport perkilangan dan pertumbuhan yang mapan dalam eksport komoditi.

Pertumbuhan eksport **barangan perkilangan** meningkat dengan ketara kepada 13.1% (S3 2005: 6.3%), didorong terutamanya oleh peningkatan eksport keluaran elektronik dan elektrik (14.7%, S3: 2005 6.8%) sejajar dengan perkembangan industri separa konduktor global. Penghantaran keluaran elektronik dan elektrik, terutamanya separa konduktor, komputer dan komponennya serta jentera elektrik perindustrian adalah lebih tinggi pada suku keempat. Sementara itu, pertumbuhan eksport keluaran kimia pulih kepada 4.7% (S3 2005: 1.3%), disebabkan terutamanya oleh permintaan yang menggalakkan dari negara serantau seperti Singapura, Jepun dan Indonesia. Eksport keluaran getah terus kukuh kepada 19.4% (S3 2005: 10%), sejajar dengan pengembangan kapasiti pengeluar-pengeluar tempatan yang berterusan bagi memenuhi permintaan luar negeri yang kukuh terhadap sarung tangan getah.

Dalam sektor komoditi, **eksport pertanian** beralih arah mencatatkan pertumbuhan positif 2.9% (S3 2005: -0.1%) disebabkan oleh pertambahan perolehan eksport daripada getah, kayu balak dan kayu siap digergaji yang telah lebih daripada mengimbangi kemerosotan perolehan eksport minyak sawit. Sementara itu, eksport getah menjadi kukuh dengan ketara dengan peningkatan 28.4%, disokong keseluruhannya oleh kenaikan harga yang mapan (28.7%) berikutan permintaan terhadap getah asli daripada industri utama, khususnya industri automotif yang melonjak dengan nyata. Ini disebabkan oleh harga pesaing utamanya, iaitu getah tiruan yang merupakan keluaran petrokimia, terus meningkat sejajar dengan harga minyak mentah yang bertambah kukuh. Sementara itu, eksport minyak sawit terus merost 7.8% pada suku tersebut, disebabkan keseluruhanya oleh harga yang lebih rendah (-7.6% kepada RM1,466 setan).

Perolehan **eksport mineral** terus berkembang pada suku keempat dengan mencatat peningkatan 22.7%, disebabkab eksport minyak mentah dan gas cecair asli(LNG) yang lebih tinggi. Eksport minyak mentah meningkat 37.4%, disokong terutamanya oleh harga yang tinggi, yang meningkat sebanyak 25.5% kepada purata USD60.48 setong. Peningkatan harga minyak didorong oleh peristiwa geopolitik yang tidak menggalakkan dan kebimbangan tentang permintaan yang terus kukuh terhadap minyak oleh negara pengguna utama.. Sementara itu, eksport LNG meningkat 14.9% didorong oleh kenaikan harga yang tinggi. Harga LNG Malaysia melepasi tanda aras RM1,000 setan pada suku itu (+17% kepada RM1,038 setan; S3 2005: +16.8% kepada RM986 setan), mencerminkan pertambahan permintaan sedunia terhadap gas asli.

Perdagangan Malaysia dengan negara serantau (tidak termasuk Jepun) terus berkembang 11.5%, dengan bahagian pasaran yang kekal tinggi sebanyak 46.6%. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan eksport yang lebih kukuh ke negara ASEAN, RR China dan Korea.

Akaun Perdagangan

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**16.1**	**20.8**	**7.5**	**12.6**	**11.0**
Perkilangan	*13.5*	*19.7*	*6.3*	*13.1*	*10.1*
Pertanian	*1.2*	*7.4*	*-0.1*	*2.9*	*3.4*
Mineral	*44.7*	*38.2*	*25.8*	*22.7*	*27.8*
Import Kasar	**19.1**	**26.4**	**8.6**	**7.5**	**8.5**
Barangan modal	*37.2*	*36.0*	*21.0*	*-5.9*	*7.7*
Barangan pengantara	*13.5*	*22.2*	*6.3*	*7.7*	*7.5*
Barangan penggunaan	*16.4*	*24.1*	*5.2*	*4.4*	*6.0*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**20.6**	**80.7**	**23.3**	**28.6**	**99.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan terhadap keluaran elektrik dan elektronik, kelengkapan telekomunikasi, kelengkapan pengangkutan serta kelengkapan optik dan saintifik. Eksport keluaran yang berasaskan sumber seperti keluaran getah dan plastik juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku itu. Eksport ke New Zealand dan India kekal kukuh, masing-masing meningkat 42.1% dan 32.2%. Eksport ke New Zealand disokong oleh besi dan keluli serta keluaran elektrik dan elektronik, sementara eksport ke India mencerminkan terutamanya keluaran berasaskan petroleum dan keluaran elektrik dan elektronik.

Yang ketara, eksport ke negara EU bertambah kukuh (11.2%) didorong oleh eksport ke Jerman, Perancis dan Belanda. Eksport ke negara-negara itu terutamanya terdiri daripada jentera elektrik, kelengkapan optik dan saintifik serta keluaran kimia. Eksport ke Amerika Syarikat (AS) berkembang 18.8% (S3 2005: 15.8%) mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap komputer, kelengkapan optik dan saintifik serta keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kayu dan petroleum.

Dari segi import, Malaysia terus mendapatkan komponen dari negara serantau, khususnya Singapura dan RR China. Bahagian import dari negara serantau dikekalkan pada 49.1%, mencerminkan terutamanya import keluaran elektronik dan elektrik, kimia dan keluaran logam.

Import kasar terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 7.5%. Pertumbuhan import berpunca daripada import terhadap input untuk eksport perkilangan dan import barangan penggunaan. Import **barangan**

Malaysia: Destinasi Eksport

	2004		2005			2004		2005			2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**23.2**	**90.2**	**28.9**	**27.5**	**105.0**	**18.3**	**18.8**	**21.0**	**19.3**	**19.7**	**9.8**	**15.8**	**15.8**	**18.8**	**16.5**
Kesatuan Eropah (EU)	**15.7**	**60.4**	**15.5**	**17.5**	**62.6**	**12.4**	**12.6**	**11.2**	**12.3**	**11.7**	**18.4**	**20.9**	**-4.0**	**11.2**	**3.7**
Negara ASEAN terpilih [1]	**32.0**	**119.7**	**34.8**	**36.7**	**137.8**	**25.3**	**24.9**	**25.3**	**25.7**	**25.8**	**18.2**	**22.3**	**9.3**	**14.5**	**15.1**
Negara Timur Laut Asia	**24.3**	**93.4**	**24.6**	**27.0**	**99.2**	**19.2**	**19.4**	**17.8**	**18.9**	**18.6**	**11.5**	**20.7**	**2.2**	**11.0**	**6.2**
Republik Rakyat China	*8.3*	*32.1*	*8.5*	*10.5*	*35.2*	*6.6*	*6.7*	*6.2*	*7.3*	*6.6*	*8.9*	*24.6*	*-0.8*	*26.2*	*9.6*
Hong Kong China	*7.3*	*28.7*	*8.4*	*7.8*	*31.2*	*5.8*	*6.0*	*6.1*	*5.5*	*5.8*	*6.4*	*11.5*	*13.8*	*6.5*	*8.8*
China Taipei	*4.1*	*15.8*	*3.9*	*4.0*	*14.8*	*3.2*	*3.3*	*2.9*	*2.8*	*2.8*	*7.4*	*10.0*	*-6.7*	*-2.4*	*-6.0*
Korea	*4.6*	*16.8*	*3.7*	*4.7*	*17.9*	*3.6*	*3.5*	*2.7*	*3.3*	*3.4*	*32.0*	*45.7*	*-3.7*	*2.5*	*6.6*
India	**3.2**	**11.4**	**3.9**	**4.2**	**15.0**	**2.5**	**2.4**	**2.8**	**2.9**	**2.8**	**17.4**	**18.3**	**36.5**	**32.2**	**31.2**
Jumlah eksport	**126.7**	**480.7**	**137.9**	**142.6**	**533.8**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**16.1**	**20.8**	**7.5**	**12.6**	**11.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengantara meningkat 7.7% sejajar dengan peningkatan permintaan global terhadap eksport elektrik dan elektronik. Import bahan utama yang digunakan untuk industri makanan dan minuman disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk musim perayaan. Pertumbuhan import bahan api dan minyak pelincir yang kukuh mencerminkan terutamanya harga minyak yang tinggi.

Import **barangan modal** kekal tinggi pada RM15 bilion, mencakup 13.1% daripada jumlah import pada suku itu. Walau bagaimanapun, import barangan modal menurun 5.9%, disebabkan sebahagiannya oleh asas yang tinggi yang berpunca daripada import kelengkapan pengangkutan yang lebih besar pada suku keempat tahun 2004. Import barangan modal oleh industri terpilih terus mencatat pertumbuhan. Pengembangan kapasiti dan peningkatan tahap teknologi untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor perkilangan mendorong kepada pertumbuhan import mesin dan kelengkapan yang lebih kukuh. Import kelengkapan pejabat, penjana, turbin dan motor elektrik untuk penjanaan kuasa juga mencatat pertumbuhan yang mantap. Import kelengkapan pertanian bertambah kukuh dengan pertumbuhan dalam pengeluaran eksport pertanian. Import barangan penggunaan meningkat sebanyak 4.4% pada suku keempat 2005.

Malaysia: Import mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan %				
BARANGAN MODAL	**37.2**	**36.0**	**21.0**	**-5.9**	**7.7**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	30.4	28.3	18.6	6.0	10.2
Alat kelengkapan pengangkutan	90.8	151.0	39.4	-70.5	-11.5
BARANGAN PENGANTARA	**13.5**	**22.2**	**6.3**	**7.7**	**7.5**
Makanan dan minumam terutamanya untuk industri	25.1	52.9	-6.7	6.9	-5.5
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	29.2	38.9	1.8	0.6	6.0
Bahan api dan pelincir	68.4	41.8	24.5	32.2	42.3
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	-0.3	10.9	5.3	5.3	2.6
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	38.9	35.0	39.4	49.5	46.8
BARANGAN PENGGUNAAN	**16.4**	**24.1**	**5.2**	**4.4**	**6.0**
Makanan dan minumam terutamanya untuk penggunaan isi rumah	18.9	31.3	5.8	-1.1	4.0
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-34.4	-6.7	-0.9	17.5	-4.9
Barangan pengguna, t.s.t.l	16.7	20.8	5.1	7.6	7.5
Barangan tahan lama	*18.5*	*21.1*	*6.3*	*13.6*	*12.7*
Barangan separa tahan lama	*8.2*	*17.7*	*-3.0*	*5.3*	*0.5*
Barangan tidak tahan lama	*22.4*	*23.0*	*10.9*	*6.2*	*10.1*
BARANGAN DUA GUNA	**43.5**	**39.8**	**18.9**	**12.2**	**21.5**
LAIN-LAIN	**4.7**	**10.8**	**2.5**	**5.1**	**0.9**
IMPORT TERTANGGUH	**17.3**	**24.3**	**8.5**	**5.4**	**7.7**
EKSPORT SEMULA	**77.6**	**102.9**	**10.2**	**53.4**	**26.9**
IMPORT KASAR	**19.1**	**26.4**	**8.6**	**7.5**	**8.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



FDI meningkat dalam suasana aliran keluar dana portfolio yang besar

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk dan aliran keluar **kasar pelaburan langsung asing (FDI)** masing-masing susut kepada RM12.4 bilion dan RM10.1 bilion (S3 2005: masing-masing RM21 bilion dan RM20 bilion). Penyusutan itu mencerminkan terutamanya penurunan ketara dalam urus niaga pinjaman jangka pendek antara syarikat daripada operasi perbendaharaan berpusat syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia. Mengikut

asas **bersih**, FDI meningkat kepada RM2.3 bilion (S3 2005: RM1 bilion). FDI pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peraltan yang diimport. Aliran masuk FDI bersifat menyeluruh dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Dalam sektor perkilangan, aliran masuk FDI terutamanya adalah ke dalam subsektor elektrik dan elektronik dan subsektor berkaitan petroleum dan kimia. Sementara itu, aliran masuk FDI ke dalam sektor perkhidmatan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan juga subsektor restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar kasar yang nyata lebih tinggi sebanyak RM18.2 bilion (S3 2005: -RM5.5 bilion), mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman jangka pendek oleh syarikat milik bukan pemastautin di sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan di luar negara berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Sebahagian besar daripada aliran keluar ini diimbangi oleh aliran masuk untuk pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku itu. Setelah mengambil kira aliran masuk yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negara, pelaburan luar negeri mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1.9 bilion (S3 2005: -RM1.2 bilion). Pelaburan luar negeri pada suku keempat dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat daripada sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pengangkutan dan komunikasi, mencerminkan pemerolehan sebuah syarikat telekomunikasi di Indonesia. Dalam sektor perkilangan, pelaburan luar negeri diterajui oleh industri separa konduktor dan komponen elektronik yang lain, dan industri berkaitan pembinaan dan pembaikan kapal.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM13.6 bilion (S3 2005: -RM0.2 bilion). Berbanding dengan suku sebelumnya, aliran masuk kasar terutamanya ke dalam sekuriti hutang menurun manakala aliran keluar kekal besar mencerminkan terutamanya penjualan ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing.

Hutang luar negeri menurun

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM195.8 bilion atau USD51.3 bilion pada akhir tahun 2005 (S3 2005: RM203.3 bilion atau USD53.4 bilion) dan bersamaan dengan 42.2% daripada KNK. Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang lebih rendah pada RM149.6 bilion (S3 2005: RM152.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih hutang luar negeri yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM3.2 bilion, berikutan matangnya satu bon Euro. Perusahaan awam bukan kewangan (PABK) terutamanya syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas, utiliti dan pengangkutan, juga mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM1 bilion. Sektor swasta mencatat pengambilan bersih pinjaman luar negeri yang lebih rendah sebanyak RM1.1 bilion (S3 2005: RM1.6 bilion), terutamanya kerana pengambilan pinjaman yang lebih rendah pada suku itu.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2004	2005		
	Akhir Dis.	Akhir Jun	Akhir Sept.	Akhir Dis.[a]
	RM bilion			
Hutang jangka sederhana & panjang	156.8	155.7	152.6	149.6
Sektor awam	96.9	93.3	90.7	86.1
Sektor swasta	60.0	62.5	61.9	63.5
Hutang jangka pendek [1]	43.7	43.1	50.8	46.2
Jumlah hutang luar negeri	200.6	198.9	203.3	195.8
- bersamaan USD bilion	52.8	52.3	53.4	51.3

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** susut kepada RM46.2 bilion atau USD12.1 bilion (S3 2005: RM50.8 bilion), mencerminkan terutamanya pengurangan peminjaman jangka pendek oleh sektor perbankan. Pada akhir tahun 2005, hutang jangka pendek mencakupi 23.6% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 17.3% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM266.4 bilion atau bersamaan USD70.5 bilion pada 31 Disember 2005. Penurunan rizab pada suku keempat mencerminkan terutamanya aliran keluar dana spekulatif jangka pendek. Walau bagaimanapun, aliran keluar dana jangka pendek ini berkurang pada bulan Disember. Rizab berjumlah RM270.4 bilion atau bersamaan USD71.6 bilion pada 15 Februari 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit fiskal bagi tahun 2005 menemui sasaran

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan lebih besar pasa suku keempat tahun 2005, menjadikan defisit fiskal keseluruhan bagi tahun 2005 bersamaan 3.8% KDNK. Prestasi hasil kekal memberangsangkan pada suku keempat tahun 2005 berikutan cukai pendapatan petroleum yang lebih tinggi. Dengan keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan domestik, defisit fiskal telah dibiayai sebahagian besarnya daripada pinjaman dalam negeri dan pengeluaran harta

boleh jual Kerajaan. Pada akhir tahun 2005, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM228.7 bilion or 46.2% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah iaitu 6.1% daripada KDNK berikutan kematangan satu Bon Euro pada bulan November 2005.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2004	2005	
	S4	S3	S4
	RM bilion		
Hasil	35.3	26.4	32.2
% perubahan	*2.5*	*7.3*	*-8.7*
Perbelanjaan mengurus	35.5	23.0	35.5
% perubahan	*58.3*	*15.3*	*-0.2*
Akaun semasa	**-0.2**	**3.4**	**-3.3**
% daripada KDNK	***-0.2***	***2.6***	***-2.5***
Perbelanjaan pembangunan bersih	9.5	4.2	14.6
% perubahan	*-30.7*	*-32.0*	*53.2*
Imbangan keseluruhan	**-9.8**	**-0.8**	**-17.9**
% daripada KDNK	***-8.3***	***-0.6***	***-13.7***
Memo:			
Jumlah perbelanjaan kasar	**46.0**	**27.3**	**52.9**
% perubahan	*25.1*	*4.5*	*15.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	216.6	227.6	228.7
% daripada KDNK	*48.2*	*46.0*	*46.2*
Hutang dalam negeri	182.0	194.5	198.7
% daripada KDNK	*40.5*	*39.3*	*40.2*
Hutang luar negeri	34.7	33.2	30.0
% daripada KDNK	*7.7*	*6.7*	*6.1*

a Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah meningkat berikutan kenaikan OPR

Pada suku keempat, penunjuk ekonomi menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan aktiviti ekonomi bertambah pesat pada tahun 2006. Pada masa yang sama, kadar inflasi dijangka kekal dalam lingkungan paras semasa untuk beberapa waktu. Oleh itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 3% pada 30 November 2005. Walau bagaimanapun, OPR tetap berada di bawah paras neutralnya dan terus menyokong ekonomi.

Berikutan kenaikan OPR, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.97%-3.01%, dengan purata 3.00% (Oktober-November 2005: 2.69%-2.70%, dengan purata 2.69%). Kadar antara bank bagi tempoh yang lain juga meningkat pada bulan Disember.

Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat kepada 6.20% dan 7.03% kerana kebanyakan institusi perbankan membuat pelarasan dengan menaikkan BLR dalam julat 25-30 mata asas. Sementara itu, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan meningkat kepada 6.12% (S3 2005: 5.90%) berikutan kenaikan BLR bank perdagangan. ALR bagi empat buah syarikat kewangan yang tinggal secara relatif kekal stabil pada 8.66% (S3 2005: 8.70%).

Dari segi kadar deposit tetap runcit, pelarasan tertumpu pada tempoh matang

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai
(Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi tempoh)



Kadar Faedah

	2004	2005	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.70	2.70	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.69	2.73	3.00
1 bulan	2.77	2.87	3.12
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.98	5.98	6.20
Syarikat kewangan	6.90	6.90	7.03
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.98	5.90	6.12
Syarikat kewangan	8.78	8.70	8.66
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.02
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70

pertengahan, seperti kadar deposit tetap bagi tempoh matang 6 bulan dan 9 bulan. Kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan hampir tidak berubah, masing-masing pada 3.00% dan 3.70%.

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih sederhana

Wang secara kecil, M1, berkembang pada kadar tahunan 8.5% pada akhir suku keempat 2005 (S3 2005: 9.9%), sementara wang secara luas, M3, meningkat pada kadar tahunan 8% pada tempoh yang sama (S3 2005: 10.9%). Pendorong utama pengembangan M3 pada suku itu ialah peningkatan dalam pinjaman yang diberikan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam tuntutan bersih terhadap Kerajaan disebabkan sebahagiannya

Penentu-penentu M3

	2004		2005		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	25.7	68.0	4.3	10.8	49.7
Tuntutan bersih atas Kerajaan	-5.3	-15.9	-4.3	12.6	-5.5
Tuntutan atas sektor swasta	4.1	30.6	15.0	15.0	45.4
Operasi luar bersih [1]	30.6	82.0	-1.5	-23.9	16.5
Pengaruh lain	-3.8	-28.7	-4.9	7.0	-6.8

[1] Sebelum penilaian semula

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi pada bulan Disember. Sementara itu, operasi luaran bersih memberi kesan penguncupan atas M3 berikutan aliran keluar pelaburan portfolio jangka pendek pada suku keempat.

Pembiayaan sektor swasta terus meningkat

Pada suku keempat, pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM151.1 bilion, iaitu peningkatan pada kadar tahunan 7.8% (S3 2005: RM143.4 bilion

atau 7.3%). Berbanding dengan suku sebelumnya, peningkatan itu didorong

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2004	S4 04	S3 05	S4 05	2004	S3 05	S4 05
Jumlah pembiayaan kasar	520.3	140.1	143.4	151.1	5.7	7.3	7.8
Pengeluaran pinjaman *	488.2	130.8	134.8	138.3	10.6	10.0	5.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	25.6	7.0	7.7	11.7	-40.2	-17.2	67.1
Ekuiti	6.5	2.3	0.9	1.0	-16.7	-48.8	-55.0
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	53.1	15.8	18.6	17.4	8.6	9.2	9.3
Sistem perbankan	39.0	10.7	14.5	14.3	7.7	8.1	8.6
Pinjaman terkumpul (A)	40.1	11.9	14.4	10.1	8.5	9.2	8.6
Pegangan PDS	-1.1	-1.2	0.0	4.2	-3.1	-7.5	8.5
PDS terkumpul (B)	13.0	3.8	4.2	7.3	9.0	9.4	11.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	36.3	10.1	9.7	15.2	-28.7	-23.5	50.4

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2004	S4 04	S3 05	S4 05	2004	S4 04	S3 05	S4 05
Jumlah								
Permohonan pinjaman	273.3	67.8	83.9	72.1	20.1	21.6	9.7	6.4
Kelulusan pinjaman	173.6	43.2	55.5	47.7	13.6	10.9	19.1	10.4
Pengeluaran pinjaman	488.2	130.8	134.8	138.3	10.6	8.3	10.0	5.8
Bayaran balik pinjaman	461.6	120.7	121.5	129.2	7.3	-1.8	2.8	7.1
Perubahan pinjaman terkumpul *	40.1	11.9	14.4	10.1	8.5	8.5	9.2	8.6
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	149.9	37.4	43.1	36.7	20.0	31.0	-2.0	-2.0
Kelulusan pinjaman	84.9	21.7	27.7	23.6	9.8	14.8	23.6	9.2
Pengeluaran pinjaman	335.3	90.8	91.2	94.2	10.5	7.8	9.3	3.7
Bayaran balik pinjaman	319.8	84.5	84.5	91.9	6.8	-2.7	1.0	8.7
Perubahan pinjaman terkumpul *	5.5	1.0	4.9	-0.9	2.6	2.6	3.9	3.0
PKS								
Permohonan pinjaman	54.2	13.9	17.3	12.9	21.7	41.4	13.9	-7.2
Kelulusan pinjaman	31.6	8.7	11.0	7.6	22.0	30.5	25.8	-13.1
Pengeluaran pinjaman	100.4	27.2	28.4	29.2	15.3	9.1	14.7	7.5
Perubahan pinjaman terkumpul *	6.3	2.2	3.0	1.5	7.7	7.7	9.8	8.7
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	95.7	23.5	25.8	23.8	19.1	25.5	-10.4	1.1
Kelulusan pinjaman	53.3	12.9	16.7	16.1	3.7	6.2	22.2	24.2
Pengeluaran pinjaman	234.9	63.7	62.8	65.0	8.6	7.2	7.0	2.1
Perubahan pinjaman terkumpul *	-0.8	-1.2	1.8	-2.4	-0.6	-0.6	0.0	-0.9
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	120.2	29.3	38.9	34.6	22.1	15.0	23.4	18.3
Kelulusan pinjaman	86.8	21.3	26.4	23.4	20.5	14.1	13.0	9.7
Pengeluaran pinjaman	130.3	34.0	38.0	37.6	13.9	12.0	11.6	10.8
Bayaran balik pinjaman	107.0	27.9	29.1	29.9	13.7	6.2	8.8	7.3
Perubahan pinjaman terkumpul *	33.3	8.9	11.3	10.7	14.4	14.4	14.9	15.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
Sumber: Bank Negara Malaysia

terutamanya oleh pertambahan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) dan pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada akhir suku keempat 2005 (akhir S3 2005: 9.2%).

Pada suku keempat, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat kepada RM94.2 bilion, iaitu peningkatan pada kadar tahunan 3.7%, dengan pertambahan dana yang disalurkan kepada syarikat besar dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Berbanding dengan suku sebelumnya, peningkatan itu khususnya adalah dalam sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Dari segi bahagian, pinjaman kepada sektor perniagaan pada suku itu terus disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (33.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (27%); kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (10.4%); dan pembinaan (8.2%). Sementara itu, bagi syarikat besar, permohonan dan kelulusan pinjaman adalah lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya, walaupun kedua-duanya terus meningkat pada asas tahunan. Bagi sektor PKS, berbanding dengan paras tinggi yang dicatat pada suku ketiga, permohonan dan kelulusan pinjaman pada suku keempat adalah lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya dan pada asas tahunan.

Pada suku keempat, sejumlah RM7.6 bilion diluluskan kepada 19,173 akaun PKS (S3 2005: RM11 bilion untuk 24,715 akaun

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2004	S4 04	S3 05	S4 05		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	335.3	90.8	91.2	94.2	68.1	40.4
Syarikat besar	*234.9*	*63.7*	*62.8*	*65.0*	*47.0*	*23.2*
PKS	*100.4*	*27.2*	*28.4*	*29.2*	*21.1*	*17.2*
Isi rumah	130.3	34.0	38.0	37.6	27.2	54.5
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.7	3.4	4.0	3.6	2.6	2.0
Perlombongan dan kuari	2.0	0.7	0.4	0.4	0.3	0.1
Perkilangan	121.5	32.5	32.0	31.8	23.0	10.9
Sektor harta benda yang luas	88.8	23.2	24.1	24.0	17.4	41.0
Pembinaan	*30.3*	*8.5*	*8.0*	*7.7*	*5.6*	*5.4*
Pembelian rumah kediaman	*38.8*	*9.3*	*10.1*	*9.7*	*7.0*	*26.7*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*12.1*	*3.3*	*3.6*	*3.9*	*2.8*	*6.3*
Harta tanah	*7.5*	*2.1*	*2.4*	*2.6*	*1.9*	*2.6*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.4	2.2	1.6	1.9	1.4	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	83.7	24.0	25.6	25.5	18.4	8.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.5	2.6	3.3	2.4	1.7	2.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.5	8.6	7.4	9.8	7.1	5.4
Kredit penggunaan	85.1	23.2	26.5	26.5	19.1	22.1
Antaranya:						
Kad kredit	*36.3*	*10.1*	*11.0*	*11.7*	*8.5*	*3.0*
Pembelian kereta penumpang	*29.1*	*8.3*	*10.7*	*10.0*	*7.2*	*15.5*
Pembelian sekuriti	12.7	3.1	2.7	3.0	2.2	3.7
Pembelian kereta pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	0.7	0.1	0.2	0.1	0.1	0.5
Lain-lain	27.5	7.2	7.0	9.4	6.8	2.9
Jumlah	**488.2**	**130.8**	**134.8**	**138.3**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



PKS). Pada akhir suku itu, jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar tahunan 8.7% (akhir S3 2005: 9.8%), untuk mencakupi bahagian yang lebih besar sedikit daripada hutang terkumpul sektor perniagaan iaitu sebanyak 42.6% (S3 2005: 41.7%). Sementara itu, peratus pinjaman tidak berbayar (NPL) kepada hutang terkumpul PKS terus menurun kepada 10.6% pada akhir suku keempat 2005 (akhir S3 2005: 10.9%).

Pinjaman bank kepada sektor isi rumah terus kukuh. Permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 18.3% dan 9.7% pada suku keempat (S3 2005: 23.4% dan 13%). Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah berjumlah RM37.6 bilion, iaitu peningkatan pada kadar tahunan 10.8% (S3 2005: 11.6%), dan didorong terutamanya oleh perbelanjaan kad kredit (31.1% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah); pembelian kereta penumpang (26.4%); dan pembelian harta kediaman (25.7%). Oleh itu, pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul sektor isi rumah adalah lebih tinggi sedikit pada 15.1% pada akhir suku keempat 2005 (akhir S3 2005: 14.8%). Sementara itu, nisbah NPL kepada pinjaman terkumpul sektor isi rumah secara relatifnya stabil pada 7.5% (S3 2005: 7.4%).

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal lebih tinggi

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting dan terus melengkapi aktiviti pembiayaan sistem perbankan dalam ekonomi Malaysia. Secara keseluruhan, dana yang diperoleh melalui pasaran modal oleh sektor awam dan swasta pada suku keempat meningkat kepada RM12.6 bilion (S3 2005: RM11.1 bilion). Pada keseluruhan tahun 2005, dana bersih yang diperoleh berjumlah RM41.7 bilion (2004: RM42.7 bilion). Pembiayaan melalui pasaran modal oleh sektor swasta melebihi sektor awam dengan jumlah dana bersih yang diperoleh bernilai RM11.5 bilion (S3 2005: RM5 bilion). Pembiayaan sektor swasta ini sebahagian besarnya diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta (PDS).

Dalam pasaran PDS, pembiayaan kasar meningkat pada kadar tahunan 55.8% kepada RM15.2 bilion (S3 2005: RM9.7 bilion). Terbitan yang tinggi pada suku keempat sebahagiannya mencerminkan penerbit bon yang meramalkan bahawa kadar faedah mungkin akan naik pada masa hadapan. PDS, tidak termasuk Cagamas, diterbitkan oleh 29 syarikat, terutamanya daripada sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, pembinaan dan utiliti. Daripada jumlah dana yang digembleng, sebahagian besarnya (52.6% daripada jumlah keseluruhan PDS, tidak termasuk Cagamas) disalurkan untuk membiayai aktiviti ekonomi yang baru, sementara dana yang diperoleh bagi pembiayaan semula hutang sedia ada mencakupi 32.5% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi instrumen, bon dan nota jangka sederhana berasaskan prinsip Islam merupakan bentuk terbitan yang dipilih (51.6% daripada jumlah keseluruhan). Setelah ditolak penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS adalah lebih tinggi sebanyak RM10.5 bilion (S3 2005: RM4.1 bilion).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2004	2004	2005		2005
	S4		S3	S4	
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	7,021	43,173	8,233	6,500	28,276
Tolak Penebusan	1,000	18,200	2,450	4,850	15,800
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	6,021	24,973	5,783	1,650	12,476
Khazanah Bon, *bersih*	-	(1,198)	-	-	833
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	1,243	1,423	-	(1,000)	1,000
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	436	1,474	383	397	1,516
Dana Bersih yang Diperoleh	7,700	26,671	6,166	1,047	15,825
Oleh Sektor Swasta					
Saham	2,316	6,475	851	1,043	6,315
Sekuriti Hutang	10,083	36,340	9,726	15,161	38,196
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	9,483	28,050	9,726	13,801	35,656
Cagamas	600	8,290	-	1,360	2,540
Tolak Penebusan	4,463	26,814	5,627	4,701	18,617
Terbitan bersih	5,620	9,526	4,099	10,461	19,579
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	5,494	8,402	6,359	9,851	22,224
Dana Bersih yang Diperoleh	7,936	16,001	4,950	11,504	25,894
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	15,636	42,672	11,116	12,552	41,719
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih* [1]	(1,103)	(3,208)	454	456	1,579
Jumlah	14,533	39,465	11,570	13,008	43,297

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan
(% daripada jumlah)



Meskipun prestasi Bursa Malaysia hambar, jumlah dana diperoleh melalui pasaran ekuiti sebanyak RM1 bilion kekal tinggi berbanding dengan suku sebelumnya (S3 2005: RM850 juta). Sejumlah besar dana yang diperoleh ialah melalui 14 tawaran awam awal bernilai RM774 juta. Terdapat 16 penyenaraian baru di Bursa Malaysia pada suku keempat, dengan empat penyenaraian di Papan Utama, satu di Papan Kedua dan 11 dalam Pasaran MESDAQ.

Kerajaan memperoleh jumlah kasar sebanyak RM8.9 bilion melalui dua pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia dan dua Terbitan Pelaburan Kerajaan. Dari segi jumlah bersih, dana yang diperoleh sektor awam lebih rendah sebanyak RM1 bilion (S3 2005: RM6.2 bilion), berikutan penebusan yang lebih tinggi pada suku itu.

KLCI lembap pada suku keempat tetapi pulih pada awal 2006

Tiadanya petunjuk arah pasaran telah menyebabkan sentimen pasaran menjadi agak lembap pada suku keempat. Namun demikian, aktiviti membeli saham-saham mewah terpilih telah mendorong sedikit peningkatan pada KLCI pada bulan Disember. Pada suku itu, KLCI merosot sebanyak 27.75 mata (S3 2005: +39.22 mata), dan ditutup lebih rendah pada 899.79 (S3 2005: 927.54). Permodalan pasaran juga lebih rendah pada RM695 bilion (S3 2005: RM715 bilion). Selain itu, aktiviti dagangan juga merosot dan

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih Pada suku Keempat 2005
(31 Dis 2004 - 30 Dis 2005)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2004 S4		2004		2005 S3		2005 S4		2005	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga antaranya:	27,364	51,771	107,610	215,623	27,931	45,374	18,541	35,264	102,338	177,321
Papan Utama	20,186	45,129	78,132	180,408	20,538	40,892	13,788	32,391	73,816	157,445
antaranya										
- Produk Pengguna	899	2,924	4,008	12,583	1,156	3,146	647	1,863	3,694	10,197
- Produk Perusahaan	4,036	4,978	12,365	17,427	2,692	3,281	1,633	2,020	12,150	14,143
- Pembinaan	1,070	1,922	4,721	9,582	1,057	1,648	694	1,067	4,141	7,116
- Perdagangan/Perkhidmatan	5,500	16,991	18,937	63,418	4,312	16,954	3,321	12,417	16,008	59,241
- Kewangan	1,958	8,090	10,843	38,176	2,614	9,199	2,262	8,796	10,108	36,743
- Harta benda	3,205	5,468	11,749	17,151	2,123	1,665	1,392	1,236	10,649	11,572
- Perladangan	771	2,171	2,455	10,184	547	2,266	539	2,762	2,144	9,147
- Perlombongan	-	1	48	175	0	1	0	1	0	10
Papan Kedua	4,227	4,102	18,516	24,948	3,722	2,568	1,708	1,175	15,161	12,289

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir		
	2004	2005	
	S4	S3	S4
Indeks Harga			
- Komposit	907.43	927.54	899.79
- EMAS	214.26	211.02	203.85
- Papan Kedua	110.87	87.48	80.44
Urus niaga harian purata			
- Jumlah (juta unit)	441.36	429.71	303.94
- Nilai (RM juta)	835.02	698.06	578.09
Permodalan Pasaran (RM b)	722.04	715.36	695.27
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	963	1,007	1,021

Sumber: Bursa Malaysia

mencatat urus niaga harian purata yang lebih rendah, iaitu 304 juta unit pada suku itu (S3 2005: 430 juta unit). Sentimen pasaran tempatan kembali pulih pada awal tahun 2006 dengan jangkaan bahawa prestasi ekonomi akan menjadi lebih baik. Pada 21 Februari 2006, KLCI ditutup tinggi pada 925.67 (sejak akhir Disember: +2.9%) dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM724.51 bilion (sejak akhir Disember: +4.2%).

Urus niaga sekunder lebih rendah dalam pasaran bon

Aktiviti urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM69.7 bilion pada suku keempat (S3 2005: RM92.2 bilion), dengan jumlah hari urus niaga yang kurang

berikutan penutupan pasaran sempena musim perayaan. Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) mencakupi 43.1% daripada jumlah aktiviti perdagangan, diikuti oleh terbitan PDS yang mencakupi 36.1% daripada jumlah urus niaga. Jumlah urus niaga yang lebih rendah menyebabkan mudah tunai bagi kebanyakan kertas berkurang, kecuali bagi kertas Cagamas dan PDS.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Sejajar dengan peningkatan kadar dasar semalaman, keluk kadar hasil tanda aras MGS bagi semua tempoh matang, menokok antara 26-30 mata asas. Sentimen pasaran sekunder agak lemah pada awalnya dengan meningkatnya kadar hasil, memandangkan para pelabur terus menilai prospek pertumbuhan ekonomi, hala tuju kadar faedah, serta kadar inflasi dalam keadaan harga minyak yang tinggi. Sentimen pasaran juga terjejas oleh ketidakpastian mengenai saiz terbitan MGS yang bakal diterbitkan pada suku itu. Peningkatan kadar dasar semalaman pada akhir bulan November dan pengumuman terbitan terakhir sekuriti kerajaan untuk tahun 2005 pada awal bulan Disember, membantu mengurangkan ketidakpastian pasaran dan menyebabkan kadar hasil bon stabil pada bulan Disember.

Pada suku keempat, Bank Negara Malaysia menerbitkan Garis Panduan berkenaan Jualan Singkat Terkawal Sekuriti dalam pasaran borong yang membenarkan para peserta pasaran dan broker universal menjalankan aktiviti jualan singkat terkawal. Pertambahan peserta pasaran dalam rangka kerja jualan singkat terkawal akhirnya akan dapat membantu meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon.

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



Perkembangan Pertukaran Asing

Ringgit menambah nilai berbanding dengan yen, paun sterling dan euro, tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat tahun 2005. Dolar AS menjadi kukuh ekoran jangkaan umum bahawa kadar faedah dana Fed akan terus meningkat. Pada masa yang sama, euro menyusut nilai atas tanggapan pasaran bahawa Bank Pusat Eropah tidak akan menaikkan kadar faedah tanda aras. Yen Jepun juga menyusut nilai berbanding dengan ringgit ekoran permintaan yang kukuh dari negara Jepun terhadap aset negara asing

yang menjana hasil yang lebih tinggi dan jangkaan pasaran bahawa Bank of Japan akan mengekalkan dasar kuantitatif yang longgar.

Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai dalam lingkungan 0.1 – 5.6%. Rupiah Indonesia menambah nilai ekoran kenaikan kadar faedah tanda aras, dan keyakinan pasaran bahawa Kabinet Menteri yang baru dilantik akan melaksanakan dasar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Peso Filipina dan won Korea juga menambah nilai, disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik pendapatan dari luar negeri yang kukuh.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 Oktober - 30 Disember 2005)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh					% perubahan sejak *			
	30 Jun 97	02 Sep 98	S4 04	S3 05	S4 05	30 Jun 97	02 Sep 98	S4 04	S3 05
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.7692	3.7800	-33.2	0.5	0.5	-0.3
Euro	-	-	5.1729	4.5421	4.4867	-	-	15.3	1.2
Paun sterling	4.1989	6.3708	7.3169	6.6438	6.5226	-35.6	-2.3	12.2	1.9
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.7026	3.3359	3.2229	-31.5	-13.9	14.9	3.5
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.3258	2.2315	2.2714	-22.3	-3.2	2.4	-1.8
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.7636	9.1988	9.2049	5.9	1.8	6.1	-0.1
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7706	6.7262	7.1254	34.6	23.9	-5.0	-5.6
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0408	0.0366	0.0385	169.9	-7.9	6.2	-4.8
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3671	0.3619	0.3739	-24.0	-24.4	-1.8	-3.2
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4591	0.4669	0.4686	-35.0	-2.0	-2.0	-0.4

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh pada suku keempat 2005, dengan tahap keuntungan dan kualiti aset bertambah baik, manakala paras permodalan kekal tinggi. Kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan sistem perbankan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Paras permodalan kekal kukuh

Meskipun nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) menurun pada suku keempat 2005, paras permodalan sistem perbankan kekal kukuh. RWCR dan CCR masing-masing berada pada tahap 13.1% dan 10.2%. Penurunan dalam kedua-dua nisbah itu disebabkan terutamanya oleh pengembangan dalam aset wajaran risiko (+RM13.9 bilion atau 2.2%) dan sedikit penurunan dalam modal asas (-RM0.5 bilion atau 0.5%). Paras modal asas yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pembayaran dividen yang tinggi oleh beberapa institusi perbankan, manakala peningkatan dalam aset wajaran risiko didorong oleh peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Prestasi keuntungan menggalakkan

Sistem perbankan mencatat kenaikan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.6 bilion (+21.9%) kepada RM3.5 bilion pada suku keempat. Prestasi yang lebih kukuh ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan bersih yang lebih tinggi (+RM639 juta atau 209.2%) dan jumlah kutipan balik yang lebih besar (+RM131.8 juta atau 10%) hasil daripada suasana perniagaan yang bertambah baik. Peningkatan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan kecil dalam perbelanjaan operasi (+RM207.2 juta atau 6.1%). Berikutan itu, pulangan tahunan atas aset purata dan ekuiti sistem perbankan masing-masing berada pada tahap 1.4% dan 16.7% (S3 2004: masing-masing 1.3% dan 15.9%).

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2004		2005			
	S3	S4	S1	S2	S3	S4
Modal						
CCR (%)	11.4	11.4	10.9	10.8	10.7	10.2
RWCR (%)	13.9	14.4	13.8	13.6	13.5	13.1

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Kualiti aset bertambah baik

Kualiti portfolio pinjaman sistem perbankan terus bertambah baik pada suku keempat. Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 2% kepada RM31.3 bilion, seterusnya menurunkan nisbah NPL bersih kepada 5.8% (S3 2005: 6.1%; akhir 2004: 7.5%). Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan turut menurun kepada 4.6% (S3 2005: 4.7%; akhir 2004: 5.8%). Prestasi yang bertambah baik itu didorong terutamanya oleh pengelasan semula NPL sebagai pinjaman berbayar, penghapuskiraan NPL dan pengurangan dalam jumlah NPL baru.

Malaysia: Akaun Pendapatan Imbangan Pembayaran

I. Pendahuluan

- Malaysia telah menerima pakai standard Manual Imbangan Pembayaran IMF, Edisi Kelima dalam pengumpulan akaun pendapatan sejak tahun 1999. Akaun pendapatan telah diklasifikasikan sebagai akaun yang berasingan daripada akaun perkhidmatan. Komponen akaun pendapatan ialah **pampasan pekerja**, iaitu gaji dan faedah lain yang diperoleh warganegara asing yang bekerja di Malaysia dan warganegara Malaysia yang bekerja di luar negeri, dan **pendapatan pelaburan**, yang merujuk kepada pendapatan (daripada pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain) yang terakru kepada pelabur asing yang melabur di Malaysia serta pendapatan yang terakru kepada warganegara Malaysia yang melabur di luar negeri.

- Akaun pendapatan imbangan pembayaran Malaysia sering berada dalam defisit, berpunca terutamanya daripada keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur langsung asing. Trend ini adalah sejajar dengan kehadiran banyak syarikat multinasional di negara ini, dan juga mencerminkan kejayaan operasi syarikat-syarikat ini di Malaysia. Pada tempoh 1999 hingga 2004, defisit akaun pendapatan berpurata RM24.6 bilion setahun. Dari segi peratusan bahagian daripada KNK, defisit itu berada dalam lingkungan -7.5% ke -5.8% yang juga telah mengambil kira peningkatan aliran masuk kasar pendapatan dari luar negeri terutamanya daripada rizab yang lebih besar serta keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pada tempoh Januari hingga September 2005, defisit akaun pendapatan berjumlah RM14.5 bilion atau bersamaan -4.1% daripada KNK (Januari-September 2004: -RM18.7 bilion atau -6% daripada KNK) yang sekali lagi mencerminkan prestasi pelaburan luar negeri Malaysia yang kukuh.

Akaun Pendapatan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Ciri penting akaun pendapatan sepanjang tempoh itu ialah:

  - Pengukuhan keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negeri dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan hasil yang lebih tinggi daripada rizab luar negeri yang lebih tinggi telah menyumbang kepada defisit akaun pendapatan yang lebih baik apabila diukur sebagai peratusan daripada KNK.
  - Bahagian perolehan yang dilabur semula oleh pelabur langsung asing di Malaysia kekal tinggi pada purata 55% pada tempoh 1999 hingga 2004 dan 56% untuk tempoh Januari hingga September 2005. Nisbah yang tinggi ini menunjukkan pengembangan dan pembelbagaian operasi yang berterusan oleh syarikat multinasional yang sedia ada ketika keadaan dalam negara begitu menggalakkan untuk pelaburan asing di Malaysia.

II. Perkembangan Akaun Pendapatan

Aliran Masuk Pendapatan

- Aliran masuk **pampasan pekerja**, iaitu gaji dan faedah lain yang diperoleh warganegara Malaysia yang bekerja di luar negeri telah bertambah lebih daripada sekali ganda kepada RM2.6 bilion pada tahun 2004 daripada RM1.2 bilion pada tahun 1999. Pada tempoh Januari hingga September 2005, aliran masuk pampasan pekerja berjumlah RM3.2 bilion. Aliran masuk ini terutamanya daripada Singapura, Amerika Syarikat (AS) dan Hong Kong China.

- **Pendapatan pelaburan,** yang terdiri daripada perolehan pendapatan daripada pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain di luar negeri oleh warganegara Malaysia, meningkat dengan mantap kepada RM13.4 bilion pada tahun 2004 daripada RM6.4 bilion pada tahun 1999. Pada sembilan bulanpertama tahun 2005, perolehan pendapatan pelaburan ialah RM12.3 bilion.

Aliran Masuk Pendapatan

	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Jan-Sep 2005	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Jan-Sep 2005 1/
	RM bilion							Perubahan Tahunan %						
Jumlah aliran masuk pendapatan	**7.6**	**7.5**	**7.0**	**8.1**	**13.1**	**16.0**	**15.5**	**43.4**	**-0.9**	**-7.0**	**15.8**	**61.6**	**22.0**	**40.3**
* Pampasan pekerja	1.2	1.3	1.4	1.7	2.2	2.6	3.2	65.4	6.0	7.2	18.5	33.2	19.0	72.7
* Pendapatan pelaburan	6.4	6.2	5.6	6.5	10.9	13.4	12.3	-	-2.2	-10.0	15.2	68.8	22.6	33.8
- Pelaburan langsung	**0.4**	**-0.8**	**-0.2**	**0.7**	**2.0**	**4.3**	**3.2**	**-**	**-298.4**	**-70.8**	**-373.6**	**192.0**	**117.7**	**22.8**
- Pelaburan portfolio	0.3	0.3	0.2	0.2	0.3	0.4	0.3	-	7.7	-23.1	-30.4	114.3	15.5	12.9
- Pelaburan lain	5.7	6.8	5.6	5.6	8.6	8.7	8.7	-	19.5	-17.0	0.1	52.9	1.2	39.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1/ Perubahan tahunan bagi tempoh yang sama tahun 2004

- Paling ketara ialah aliran masuk pendapatan **pelaburan langsung** yang meningkat daripada RM0.4 bilion pada tahun 1999 kepada RM4.3 bilion pada tahun 2004. Pada tempoh Januari hingga September 2005, pendapatan pelaburan langsung berjumlah RM3.2 bilion. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri yang lebih tinggi, khususnya dalam sektor minyak dan gas, perkilangan serta perkhidmatan kewangan. Perolehan pendapatan pelaburan langsung mencakup kira-kira 29% daripada jumlah aliran masuk pendapatan pelaburan pada tempoh 2004 hingga September 2005 (1999: 7%).
- Pendapatan daripada *pelaburan lain* meningkat daripada RM5.7 bilion pada tahun 1999 kepada RM8.7 bilion pada tahun 2004, dengan menyumbang kira-kira 65% daripada jumlah aliran masuk pendapatan pelaburan pada tahun 2004. Bahagian yang paling ketara dalam pendapatan ini ialah perolehan daripada rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia.
- Mencerminkan pendedahan pelabur Malaysia terhadap *pelaburan portfolio* di luar negeri yang terhad, pendapatan daripada pelaburan ini kekal kecil dengan purata RM281 juta pada tempoh 1999 hingga 2004.

Aliran Keluar Pendapatan

♦ Aliran keluar **pampasan pekerja** telah meningkat dengan ketara (2004: -RM3.8 bilion; 1999: -RM1.8 bilion) dengan pembayaran terutamanya ke AS, United Kingdom (UK) dan Jepun. Pada tempoh Januari hingga September 2005, pampasan pekerja berjumlah RM3.4 bilion (Januari-September 2004: RM2.8 bilion).

♦ Pada tempoh 1999 hingga 2004, aliran keluar **pendapatan pelaburan** atau pendapatan yang terakru kepada pelabur asing kekal tinggi dengan purata RM31.8 bilion setahun. Pada tempoh Januari hingga September 2005, aliran keluar pendapatan pelaburan ialah RM26.5 bilion.

- Sejajar dengan kehadiran banyak syarikat multinasional serta pengembangan dan pempelbagaian operasi mereka yang berterusan di Malaysia, aliran keluar pendapatan *pelaburan langsung* yang mencakup kira-kira 80% daripada jumlah aliran keluar pendapatan pelaburan pada tahun 2004 meningkat pada kadar kompaun sebanyak 7.5% setahun, iaitu meningkat kepada RM29.5 bilion pada tahun 2004 daripada RM20.5 bilion pada tahun 1999. Aliran keluar ini terutamanya merupakan keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur langsung asing. Walau bagaimanapun, sebahagian besar keuntungan dan dividen yang tidak

Aliran Keluar Pendapatan

	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Jan-Sep 2005	1999	2000	2001	2002	2003	2004	Jan-Sep 2005 1/
	RM bilion							Perubahan Tahunan %						
Jumlah aliran keluar pendapatan	**28.5**	**36.5**	**32.6**	**33.2**	**35.7**	**40.6**	**29.9**	**41.6**	**27.9**	**-10.5**	**1.7**	**7.5**	**13.7**	**0.7**
* Pampasan pekerja	1.8	2.3	2.4	2.8	3.2	3.8	3.4	47.4	23.8	5.8	17.6	11.6	19.0	23.3
* Pendapatan pelaburan	26.7	34.2	30.2	30.4	32.5	36.8	26.5	-	28.2	-11.6	0.4	7.1	13.2	-1.7
- Pelaburan langsung	**20.5**	**27.3**	**22.5**	**23.3**	**25.6**	**29.5**	**21.0**	**-**	**32.8**	**-17.3**	**3.2**	**10.0**	**15.2**	**-3.3**
antaranya: Perolehan yang dilabur semula	*13.1*	*20.8*	*9.5*	*13.1*	*10.8*	*14.1*	*11.8*	-	*59.3*	*-54.6*	*38.8*	*-18.1*	*30.8*	*14.7*
(% daripada pelaburan langsung)	*63.7*	*76.4*	*42.0*	*56.5*	*42.0*	*47.8*	*56.3*							
- Pelaburan portfolio	0.9	1.0	0.5	0.5	0.7	1.4	1.2	-	16.9	-51.7	5.8	46.5	94.0	37.8
- Pelaburan lain	5.3	5.9	7.2	6.6	6.2	5.9	4.3	-	12.2	21.5	-8.5	-6.4	-4.5	-1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
1/ Perubahan tahunan bagi tempoh yang sama tahun 2004

Perolehan Tertahan mengikut Destinasi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

diagihkan ini kekal di Malaysia sebagai pelaburan semula. Pada tempoh 1999 hingga 2004, perolehan tertahan ini mencakup kira-kira 55% daripada jumlah aliran keluar pendapatan pelaburan langsung dan dikreditkan sebagai aliran masuk pelaburan langsung asing dalam akaun kewangan imbangan pembayaran. Keuntungan itu dilaburkan semula terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan borong dan runcit. Pelabur utama yang melabur semula keuntungan mereka ialah pelabur dari AS, Singapura, UK, Jepun dan Belanda.

- Aliran keluar pendapatan daripada *pelaburan lain* secara relatifnya kekal stabil di sekitar RM6.2 bilion setahun, mencerminkan terutamanya pembayaran faedah atas pinjaman luar negeri. Trend ini mencerminkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia yang rendah, yang berpurata 53% daripada KNK pada tempoh 1999 hingga 2004 (akhir 2005: 42.2% daripada KNK). Aliran keluar sebanyak RM4.3 bilion pada sembilan bulan pertama tahun 2005 disebabkan terutamanya oleh pembayaran faedah atas pinjaman Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

III. Kesimpulan

- Perkembangan akaun pendapatan imbangan pembayaran mencerminkan dinamik pelaburan dan keterbukaan ekonomi Malaysia. Pengukuhan keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negeri pada tahun-tahun kebelakangan ini dan hasil daripada rizab luar negeri yang lebih tinggi telah menyumbang kepada pengurangan defisit akaun pendapatan dari segi peratusan KNK. Sementara keuntungan dan dividen yang terakru kepada pelabur langsung asing yang melabur di Malaysia kekal tinggi, bahagian pelaburan semula oleh pelabur langsung asing daripada perolehan itu terus ketara.

Kalendar Peristiwa
Oktober – Disember 2005

1 Oktober 2005
Gabenor telah menyampaikan ucapan di Forum Ekonomi Islam Sedunia Pertama yang diadakan di Kuala Lumpur dan dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI). Dalam ucapannya, Gabenor telah berkongsi pengalaman Malaysia dalam membentuk sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif yang kini menjadi semakin berhubung kait dengan sistem kewangan antarabangsa.

13 Oktober 2005
Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan secara bersama perluasan rangka kerja bank pelaburan, yang diumumkan pada Mac 2005, kepada broker universal. Ini akan membolehkan kapasiti dan keupayaan pengantara pasaran modal domestik terus dipertingkatkan dan menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan yang lebih berdaya tahan, kompetitif dan dinamik.

14 Oktober 2005
Bank Negara Malaysia dan Bank of Korea telah memperbaharui perjanjian Peraturan Swap Dua Hala (BSA) di bawah Inisiatif Chiang Mai untuk tiga tahun lagi. BSA ini melibatkan swap dolar AS (USD) dengan mata wang tempatan. Melalui perjanjian itu Bank-bank Pusat berkenaan akan boleh saling memohon antara satu sama lain untuk dibekalkan dengan USD berdasarkan mata wang tempatan bank yang mengambil swap. Saiz swap dalam BSA terbaru ini telah dinaikkan kepada USD1.5 bilion dengan 20% had pengeluaran pertama tanpa tertakluk kepada syarat IMF. Perjanjian BSA ini merupakan sebahagian daripada usaha serantau untuk mempertingkatkan kestabilan kewangan di rantau ini.

31 Oktober 2005
Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Agensi Kaunseling Kredit dan Pengurusan Hutang untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling kredit dan penstrukturan semula pinjaman kepada individu. Langkah awalan ini diperkenalkan sebagai saluran untuk membantu isi rumah menyelesaikan masalah kredit yang mungkin timbul. Agensi ini dijadualkan memulakan operasinya pada suku pertama 2006.

8 November 2005
Bagi membantu menggalakkan pembangunan industri perancangan kewangan yang lebih teratur, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti secara bersama mengumumkan penubuhan rangka kerja pengawalseliaan untuk pelesenan penasihat kewangan. Ini merupakan susulan daripada penggubalan enakmen pindaan kepada Akta Insurans 2005 dan Peraturan-peraturan Insurans 2005.

16 November 2005

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa pembinaan Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan (FSRC) telah dimulakan. FSRC merupakan pelaburan Malaysia dalam sebuah pusat pengetahuan yang mempunyai kemudahan pembelajaran dan kajian bagi membantu membangunkan budaya berilmu dan berprestasi tinggi untuk sektor perbankan dan kewangan negara.

21– 22 November 2005

Bank Dunia, Unit Perancang Ekonomi Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah bersama-sama menganjurkan Persidangan Serantau mengenai Iklim Pelaburan dan Daya Saing di Asia Timur. Persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur ini telah mempertemukan pakar antarabangsa, wakil sektor swasta dan penggubal dasar dari rantau Asia Timur untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik mengenai cara-cara menggubal dan melaksanakan dasar yang bertujuan meningkatkan lagi iklim pelaburan di rantau ini.

28–29 November 2005

Bank Negara Malaysia menganjurkan Forum dan Pameran Sistem Pembayaran yang bertemakan "Perpindahan kepada E-Pembayaran". Ini merupakan forum dan pameran sistem pembayaran negara yang pertama. Perbincangan telah tertumpu pada isu dan cabaran perpindahan kepada e-pembayaran, membangunkan standard pembayaran umum serta meningkatkan kesedaran pengguna dalam penggunaan instrumen e-pembayaran.

Gabenor dalam ucaptamanya telah menyatakan bahawa langkah untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih aktif bukan sahaja merangkumi pembinaan infrastruktur pembayaran elektronik tetapi juga menekankan isu-isu yang lebih luas seperti membina kesedaran dan keyakinan orang ramai, menggalakkan lebih kemudahan, mengkaji semula amalan perniagaan dan kendalian serta menumpukan perhatian kepada ruang hubung kait komersial antara pelanggan dengan penyedia perkhidmatan.

30 November 2005

Ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 5.3% pada suku ketiga 2005. Aktiviti sektor swasta terus menjadi pendorong utama pertumbuhan. Kadar pertumbuhan untuk suku pertama dan kedua pula telah disemak masing-masing kepada 6.2% dan 4.4%. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 30 mata asas kepada 3 peratus, dengan teras dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

3 Disember 2005

Pada Majlis Makan Malam Ke-26 Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia, Gabenor telah menekankan perlunya bagi industri perbankan saudagar menghadapi cabaran yang akan muncul berikutan rasionalisasi pengantara pasaran modal domestik kepada perbankan pelaburan. Pihak industri juga diseru merebut peluang baru hasil daripada struktur pengantaraan baru itu.

6 Disember 2005

Dalam ucapan pembukaannya pada sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran berhubung Kajian Rangka Kerja Kompetensi Industri Perbankan, Gabenor menyatakan bahawa industri kewangan memerlukan "satu generasi pegawai bank profesional baru yang lebih mementingkan pengguna, celik dan bijak teknologi, berkelayakan tinggi, fleksibel dan tangkas, serta memiliki set kemahiran yang lebih komprehensif daripada sebelumnya."

7 Disember 2005

Duit syiling RM1 tidak lagi sah diperlakukan berkuat kuasa 7 Disember 2005, setelah tamatnya tempoh tiga bulan penarikan balik duit syiling itu daripada edaran.

8 Disember 2005

Bank Negara Malaysia dan Hong Kong Monetary Authority telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bagi penubuhan satu sistem pembayaran penghubung bernilai tinggi antara Malaysia dengan Hong Kong. Ia merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kecekapan dan keselamatan sistem pembayaran di Malaysia dan di rantau ini, khususnya dalam pengurusan pendedahan risiko bagi transaksi pertukaran asing yang melibatkan dolar AS dan ringgit Malaysia.

10 Disember 2005

Kerajaan Malaysia mengumumkan penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) untuk membangunkan dan menyediakan kumpulan pakar profesional yang mahir dalam kewangan Islam, untuk mengekalkan daya saing pasaran bagi industri kewangan Islam global. Bagi menyokong inisiatif ini, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan dana endowmen bernilai RM500 juta.

12 Disember 2005

Dalam ucapan khasnya pada Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Citigroup-INSEAD Kedua di Kuala Lumpur, Gabenor telah berkongsi pendapat mengenai isu celik kewangan dari perspektif Bank Pusat.

14 Disember 2005

Bank telah menjadi tuan rumah kepada Forum Antarabangsa Ketiga mengenai Perlindungan dan Pendidikan Pengguna Kewangan. Di Forum itu Gabenor telah menyampaikan ucaptama yang tertumpu kepada perlindungan dan pendidikan pengguna dari perspektif mengekalkan kestabilan kewangan dan membangunkan sistem kewangan yang progresif dan mapan.

15 Disember 2005

Sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan komunikasi dan ketelusan ke arah meningkatkan pemahaman terhadap dasar monetari, Bank Negara Malaysia telah menyiarkan

keputusan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mulai mesyuarat kelapan tahun 2005. Jadual mesyuarat MPC dan siaran akhbar untuk tahun 2006 juga telah diumumkan.

16 Disember 2005

Mesyuarat keempat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah membincangkan perkara berikut:

- Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 yang merangkumi 245 program yang akan dilaksanakan pada tahun 2006 bertujuan memperkukuh infrastruktur yang sesuai untuk menyokong pembangunan PKS; membina kapasiti dan keupayaan PKS; dan terus meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan. Sejumlah RM3.79 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk pelaksanaan program-program ini.
- Profil dan Sumbangan PKS kepada Ekonomi Domestik
- Portal SMEinfo: Maklumat dalam talian setempat mengenai PKS dan Direktori PKS
- Laporan Tahunan Pembangunan PKS 2005
- Mempromosikan Produk Malaysia melalui Jerayawara “Cita Rasa Malaysia”
- Kemajuan Bank PKS dalam Menyokong Pembangunan PKS

Bank Negara Malaysia ialah Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

28 Disember 2005

Sebagai sebahagian daripada usaha meliberalisasikan sektor kewangan negara, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa setiap institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia akan dibenarkan menubuhkan sehingga empat buah cawangan tambahan pada 2006.

29 Disember 2005

Bank Negara Malaysia mengumumkan penerbitan Buku Wang Saku (BWS) dan Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga (BPPKK) edisi 2006. Penerbitan buku ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mengurus kewangan peribadi dan perancangan kewangan. Tema BWS edisi 2006 ialah “Pendidikan kewangan sebagai asas perancangan kewangan”.